

**UNTUK SIARAN SEGERA**



**KENYATAAN MEDIA  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PELAKSANAAN MODUL PENGHAYATAN HADIS 40 IMAM NAWAWI  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA (KPM)**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) akan memulakan pelaksanaan Modul Penghayatan Hadis 40 Imam Nawawi di sekolah bertujuan untuk memupuk semangat ihsan, kasih sayang dan untuk memperkasakan kefahaman agama dalam kalangan guru dan murid beragama Islam.

Inisiatif ini diharapkan mampu melahirkan generasi Anak yang Baik lagi Cerdik seterusnya mengangkat Karamah Insaniah berdasarkan tiga (3) elemen utama iaitu adab, akhlak dan integriti.

Pelaksanaan Modul Penghayatan Hadis 40 Imam Nawawi disasarkan kepada guru dan murid beragama Islam sahaja.

Program secara rintis pelaksanaan Modul Penghayatan Hadis 40 Imam Nawawi melibatkan guru dan murid beragama Islam di 61 buah Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) dan 228 buah Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) seluruh negara.

KPM sentiasa berusaha menerapkan nilai-nilai murni yang merangkumi elemen perpaduan, silang budaya, kepelbagai agama dan saling menghormati antara kaum dalam setiap inisiatif yang dilaksanakan di institusi-institusi pendidikan bawah kelolaannya.

**-TAMAT-**

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA  
25 OGOS 2023**